

# GARIS PANDUAN ETIKA BERPAKAIAN DAN PENAMPILAN

Garis panduan bagi pegawai serta kakitangan, tetamu dan pelanggan ketika berurusan di Jabatan Kehakiman Syariah Selangor

**JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH  
SELANGOR  
2018**



## JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SELANGOR

---

Edisi Pertama ..... Jun 2018

Anonymous Graphic Design  
Bangunan Mahkamah Syariah  
Sultan Idris Shah • Persiaran Masjid, Seksyen 5,  
Shah Alam, Selangor 40000  
Phone +60355191291 • Fax +60355105620

---

## ISI KANDUNGAN

<b>1.0</b>	<b>TUJUAN</b> .....	<b>2</b>
<b>2.0</b>	<b>OBJEKTIF</b> .....	<b>2</b>
<b>3.0</b>	<b>LATAR BELAKANG</b> .....	<b>2</b>
<b>4.0</b>	<b>GARIS PANDUAN BERPAKAIAN</b> .....	<b>4</b>
<b>4.1</b>	<b>Panduan Umum Lelaki Dan Wanita</b> .....	<b>4</b>
<b>4.1.1</b>	<b>PANDUAN UMUM BERDASARKAN HUKUM SYARA'</b> .....	<b>4</b>
<b>4.1.1.1.</b>	<b>Pakaian Tidak Jarang</b> .....	<b>4</b>
<b>4.1.1.2.</b>	<b>Pakaian Tidak Ketat</b> .....	<b>4</b>
<b>4.1.1.3.</b>	<b>Tidak Berlebih-lebihan</b> .....	<b>5</b>
<b>4.1.1.4.</b>	<b>Tidak Menyerupai Syiar Pakaian Agama Lain</b> .....	<b>5</b>
<b>4.1.1.5.</b>	<b>Bahan Buatan Daripada Yang Jenis Halal</b> .....	<b>5</b>
<b>4.1.1.6.</b>	<b>Tiada Tulisan Atau Gambar Yang Keterlaluan Pada Pakaian</b> .....	<b>5</b>
<b>4.1.2</b>	<b>PANDUAN UMUM MERUJUK KEPADA PEKELILING SERTA PERATURAN PERKHIDMATAN AWAM</b> .....	<b>6</b>
<b>4.2</b>	<b>Khusus Bagi Lelaki</b> .....	<b>6</b>
<b>4.2.1</b>	<b>Tidak Menyerupai Pakaian Perempuan</b> .....	<b>6</b>
<b>4.2.2</b>	<b>Tidak Diperbuat Daripada Sutera Dan Emas</b> .....	<b>7</b>
<b>4.3</b>	<b>Khusus Bagi Perempuan</b> .....	<b>7</b>
<b>4.3.1</b>	<b>Tidak Menyerupai Pakaian Lelaki</b> .....	<b>7</b>
<b>4.3.2</b>	<b>Melabuhkan Pakaian</b> .....	<b>7</b>
<b>4.3.3</b>	<b>Tidak Menarik Perhatian Lelaki (<i>Tabarruj</i>)</b> .....	<b>8</b>
<b>4.3.4</b>	<b>Tidak Berwangi-wangian</b> .....	<b>8</b>
<b>4.3.5</b>	<b>Tidak Mengikat Sanggul Rambut Dengan Menonjol</b> .....	<b>9</b>
<b>5.0</b>	<b>PENUTUP</b> .....	<b>10</b>
<b>6.0</b>	<b>ILUSTRASI BERGAMBAR (LAMPIRAN 1-4)</b> .....	<b>10</b>

## **1.0 TUJUAN**

Garis Panduan Etika Berpakaian dan Penampilan ini disediakan untuk memberi panduan kepada semua pegawai serta kakitangan yang bertugas, tetamu dan pelanggan yang berurusan di Jabatan Kehakiman Syariah Selangor.

## **2.0 OBJEKTIF**

- 2.1** Memberikan panduan mengenai tatacara berpakaian mengikut lunas-lunas Syariah serta pekeliling-pekeling penjawat awam yang berkaitan.
- 2.2** Menjadi panduan untuk didokumenkan dan dikuatkuasakan di peringkat Jabatan Kehakiman Syariah Selangor.
- 2.3** Memastikan kakitangan dan orang awam yang saling berurusan menjaga pergaulan melalui batas-batas aurat yang telah ditetapkan oleh syara'.
- 2.4** Meraih keredhaan dan keberkatan dari Allah SWT dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan oleh Syariat Islam.

## **3.0 LATAR BELAKANG**

Etika berpakaian yang dimaksudkan adalah berdasarkan kepada konsep dan prinsip aurat dalam Islam.

Diriwayatkan daripada Abu Said al-Khudri bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*“Seorang lelaki tidak boleh melihat aurat lelaki lain, dan seorang perempuan tidak boleh melihat aurat perempuan yang lain....”*

(Riwayat Muslim)

Firman Allah SWT dalam Surah Al-Ahzab ayat 59 yang bermaksud;

*“Wahai Nabi, katakanlah kepada isteri-isteri dan anak-anak perempuan kamu serta kepada para isteri orang mukmin sekalian, hendaklah melabuhkan tudung mereka ke seluruh tubuh badan mereka kerana dengan itu mereka akan mudah dikenali (sebagai perempuan mukminah) dan mereka selamat daripada gangguan. Dan sesungguhnya Allah itu Maha Pengampun lagi Maha Penyayang”.*

Diriwayatkan daripada Saidatina Aisyah Radhiyallahu ‘anha bahawa satu hari kakaknya iaitu Asma’ binti Abu Bakar datang mengadap Rasulullah SAW sedangkan ia berpakaian nipis (jarang). Melihat keadaan itu, Rasulullah SAW terus berpaling muka dan bersabda maksudnya:

*“Wahai Asma’, apabila seorang perempuan telah sampai masa haidh (baligh), maka lelaki ajnabi tidak boleh melihatnya, kecuali kadar had ini (Rasulullah SAW mengisyaratkan pada muka dan kedua tapak tangannya”.*

(Riwayat Abu Daud)

## **4.0 GARIS PANDUAN BERPAKAIAN**

### **4.1 Panduan Umum Lelaki Dan Wanita**

#### **4.1.1 PANDUAN UMUM BERDASARKAN HUKUM SYARA'**

##### **4.1.1.1. Pakaian Tidak Jarang**

Pakaian yang jarang ialah menampakkan aurat atau kulit badan. Rasulullah SAW bersabda:

*“Dua golongan ahli neraka yang belum pernah aku lihat ialah, satu golongan memegang cemeti seperti ekor lembu yang digunakan bagi memukul manusia, dan satu golongan perempuan yang memakai pakaian tetapi telanjang dan meliuk-liukkan badan juga kepalanya seperti bonggol unta yang tunduk. Mereka tidak masuk syurga dan tidak dapat mencium baunya walaupun bau syurga itu dapat dicitum daripada jarak yang jauh”.*

(Riwayat Muslim)

##### **4.1.1.2. Pakaian Tidak Ketat**

Tujuannya adalah supaya tidak kelihatan bentuk tubuh badan yang sepatutnya disembunyikan yang boleh merangsang syahwat orang-orang yang melihatnya. Sebagaimana riwayat Usamah bin Zaid R.A bahawa Rasulullah SAW telah menghadiahkan kain Qibtiah yang kurang tebal kepada beliau lalu diberikan kepada isterinya. Kemudian Rasulullah SAW bersabda:

*“Suruhlah isterimu melapik kain tersebut dengan kain yang lain di bawahnya, kerana aku bimbang jika kain Qibtiah itu tidak dilapik, maka akan kelihatanlah bentuk badan isterimu”.*

(Riwayat Ahmad)

#### **4.1.1.3. Tidak Berlebih-lebihan**

Firman Allah SWT dalam Surah Al-A'raf ayat 31 yang bermaksud:

*“Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadah (atau mengerjakan solat), dan makanlah serta minumlah dan janganlah pula kamu melampaui-lampau, sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas”.*

#### **4.1.1.4. Tidak Menyerupai Syiar Pakaian Agama Lain**

Dariapada Ibnu Umar R.A. bahawa Rasulullah SAW bersabda bermaksud:

*“Sesiapa meniru atau menyerupai sesuatu kaum, maka dia termasuk dalam golongan mereka”.*

(Riwayat Abu Daud)

#### **4.1.1.5. Bahan Buatan Daripada Yang Jenis Halal**

Bahan buatan pakaian dan kelengkapan hendaklah daripada bahan-bahan yang suci dan tidak bernajis seperti kulit binatang. Daripada Abdullah bin Abbas R.A. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*“Apabila kulit telah disertu maka ia telah suci”.*

(Riwayat Muslim)

#### **4.1.1.6. Tiada Tulisan Atau Gambar Yang Keterlaluan Pada Pakaian**

Pakaian yang mempunyai tulisan atau gambar yang keterlaluan akan menimbulkan rasa kurang selesa dan sopan serta menyalahi etika semasa berurusan di premis-premis kerajaan.

#### **4.1.2 PANDUAN UMUM MERUJUK KEPADA PEKELILING SERTA PERATURAN PERKHIDMATAN AWAM**

- a. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1985 (Pakaian Masa Bekerja Dan Semasa Menghadiri Upacara-Upacara Rasmi Bagi Pegawai-Pegawai Awam)
- b. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2013 (Pemakaian Two/Three - Piece Pant Suit Bagi Pegawai Awam Wanita Semasa Bekerja)
- c. Perkara 6 Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993
- d. Pekeliling Perkhidmatan Bil.1 tahun 2006 (Fesyen Pakaian Alternatif Sebagai Pakaian Semasa Bekerja dan Menghadiri Upacara Rasmi)
- e. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 tahun 2008. (Pemakaian Batik Malaysia Oleh Pegawai Awam Pada Hari Khamis)

#### **4.2 Khusus Bagi Lelaki**

##### **4.2.1 Tidak Menyerupai Pakaian Perempuan**

Orang lelaki tidak dibenarkan memakai pakaian yang khusus untuk kaum perempuan atau yang menyerupai perempuan. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas R.A. bahawa:

*“Rasulullah SAW melaknat golongan lelaki yang menyerupai perempuan dan golongan perempuan yang menyerupai lelaki”.*

(Riwayat al-Bukhari)



#### **4.2.2 Tidak Diperbuat Daripada Sutera Dan Emas**

Diriwayatkan daripada Abu Musa al-Asy'ari R.A. bahawa Rasulullah SAW bersabda yang maksudnya:

*“Diharamkan memakai sutera dan emas ke atas lelaki daripada umatku dan dihalalkan (kedua-duanya) untuk perempuan”.*

(Riwayat at-Tirmidzi)

### **4.3 Khusus Bagi Perempuan**

#### **4.3.1 Tidak Menyerupai Pakaian Lelaki**

Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas R.A. bahawa:

*“Rasulullah SAW melaknat golongan lelaki yang menyerupai perempuan dan golongan perempuan yang menyerupai lelaki”.*

(Riwayat al-Bukhari)

#### **4.3.2 Melabuhkan Pakaian**

Hendaklah melabuhkan pakaiannya seperti tudung yang sepatutnya dipakai sesuai dengan kehendak syara' sehingga ke bawah dada. Juga pakaian-pakaian perempuan hendaklah dilabuhkan agar menutupi bahagian punggung mereka.

Firman Allah dalam Surah al-Nur ayat 31 yang bermaksud:

*“Katakanlah kepada wanita yang beriman: Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan kemaluannya, dan janganlah mereka menampakkan perhiasannya, kecuali yang biasa nampak daripadanya. dan hendaklah mereka menutupkan kain kudung ke dadanya, dan janganlah menampakkan perhiasannya....”*

#### **4.3.3 Tidak Menarik Perhatian Lelaki (*Tabarruj*)**

Firman Allah dalam Surah al-Nur ayat 31 yang bermaksud:

*“...dan janganlah mereka memukulkan kakinya agar diketahui perhiasan yang mereka sembunyikan...”*

Ini menunjukkan sebarang perbuatan yang boleh menarik perhatian orang lelaki seperti *make-up* secara berlebihan dan lain-lain yang sewaktu dengannya adalah dilarang.

#### **4.3.4 Tidak Berwangi-wangian**

Diriwayatkan daripada Abu Musa al-Asy'ari R.A. bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*“Mana-mana perempuan yang memakai wangi-wangian kemudiannya berjalan di tengah orang ramai dan mereka mendapati baunya maka perempuan itu adalah seorang pezina”.*

(Riwayat Ibn Hibban)

Perumpamaan di dalam hadith ini jelas membawa maksud perbuatan tersebut adalah diharamkan.

Berwangian yang tidak melampau bagi menutup bauan yang kurang enak dan hanya si pemakai yang mendapat baunya adalah tidak dilarang. Justeru, menjaga kebersihan diri adalah sangat dianjurkan.

#### 4.3.5 Tidak Mengikat Sanggul Rambut Dengan Menonjol

Rasulullah SAW bersabda:

“Dua golongan ahli neraka yang belum pernah aku lihat ialah, satu golongan memegang cemeti seperti ekor lembu yang digunakan bagi memukul manusia, dan satu golongan perempuan yang memakai pakaian tetapi telanjang dan meliuk-liukkan badan juga kepalanya seperti bonggol unta yang tunduk. Mereka tidak masuk syurga dan tidak dapat mencium baunya walaupun bau syurga itu dapat dicitum daripada jarak yang jauh”.

(Riwayat Muslim)

Nabi menyebut “*kaasiyaat ‘aariyaat*” – wanita yang berpakaian (ertinya menutup) tetapi seolah-olah bertelanjang, disebabkan tidak cukup syarat-syarat dan etika-etika dalam berpakaian dan menutup aurat.

Sambungan hadis tersebut, *kepala mereka seperti bonggol-bonggol unta*. Bonggol unta maksudnya ia menonjol naik. Jadi ini menunjukkan bahawa pada asalnya mereka memakai dan menutup, tetapi kaedah cara memakai itu tidak kena. Sanggulnya sepatutnya boleh diikat kecil tetapi sengaja dibuat sanggulnya tinggi. Ini tidak dibolehkan.

Apatah lagi pada hari ini dijual sanggul yang sudah siap (sanggul tiruan). Difahami bahawasanya sekiranya rambut seseorang itu panjang maka ia perlu diikat, tetapi bukanlah mengikat secara melampau sehingga naik menonjol.

## **5.0 PENUTUP**

Semoga dengan adanya dokumen garis panduan akan dapat membantu dalam memberikan Pendidikan berkaitan etika berpakaian menurut kehendak Syariat Islam kepada seluruh warga Jabatan Kehakiman Syariah Selangor, juga tetamu dan pelanggan yang datang berurusan.

## **6.0 ILUSTRASI BERGAMBAR (LAMPIRAN 1-4)**

## CONTOH PAKAIAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN LELAKI



*Baju dan seluar yang longgar dan tidak mengikut bentuk badan.*

**CONTOH PAKAIAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN**  
**PEREMPUAN**



*Labuh tudung  
melempi  
bahagian dada  
dan tidak  
melekap.*





***Labuh baju melepasi  
punggung, tidak ketat  
serta tidak  
menampakkan bentuk  
badan.***

***Kain tidak  
ketat dan  
melekap.***

## CONTOH PAKAIAN JURUTEKNIK LELAKI DAN WANITA



*Labuh baju  
melepati punggung,  
tidak ketat serta  
tidak  
menampakkan  
bentuk badan.*

*Seluar  
tidak  
ketat dan  
melekap.*



## TATACARA PAKAIAN TETAMU DAN PELANGGAN

